

Perkaitan antara gaya bercinta dengan kepuasan perkahwinan dalam kalangan orang Islam di Selangor

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya bercinta dan perkaitannya dengan kepuasan perkahwinan dalam kalangan orang Islam di Selangor. *Love Attitude Scale* (LAS) oleh Hendrick, Hendrick & Dicker (1998) telah digunakan untuk mengukur gaya bercinta dan *Kansas Marital Satisfaction Scale* oleh Schumm (1983) telah digunakan untuk mengukur kepuasan perkahwinan. Hasil kajian menunjukkan gaya bercinta *Storage*, *Eros*, *Pragma*, *Mania* dan *Agape* mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kepuasan perkahwinan, manakala gaya bercinta *Ludus* tidak mempunyai perkaitan dengan kepuasan perkahwinan. Kajian juga mendapati gaya bercinta *Pragma* adalah faktor peramal yang paling mempengaruhi kepuasan perkahwinan.

Kata kunci: Gaya bercinta; *Storage*; *Eros*; *Pragma*; *Mania*; *Agape*; *Ludus*; Kepuasan perkahwinan